

Pakatan hadapi kemungkinan Anwar dipenjar
MalaysiaKini.com
January 3,2012

Pakatan Rakyat tidak gentar sekalipun Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dihumban ke penjara apabila penghakiman kes percabangan liwat II disampaikan pada 9 Januari ini.

"Kepimpinan Pakatan Rakyat, bukan sahaja saya atau Azizah sahaja tetapi juga Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang dan supremo DAP Lim Kit Siang. Kami telah bincangkan segala kemungkinan.

"Jika saya dipenjarakan, terlibat dalam kemalangan atau ditembak, kami telah bincangkan situasi satu, dua dan tiga itu secara kolektif sebagai satu kumpulan," kata Anwar pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kepimpinan Pakatan di ibu pejabat PKR di Petaling Jaya hari ini.

Katanya, kepimpinan Pakatan juga mempunyai pelan kontingensi dan sedar mengenai apa yang mungkin terjadi pada 9 Januari, apabila keputusan percabangan kes liwat keduanya akan disampaikan.

"Jika ada orang dalam Umno yang berpendapat bahawa dengan memusnahkan Anwar, perjuangan Pakatan Rakyat akan terbantut, perkara yang sebaliknya akan berlaku.

azlan"Kami akan teruskan perjuangan dan dipimpin oleh dasar-dasar Pakatan Rakyat.

"Ini kerana Pakatan Rakyat, kita pimpin dan putus secara kolektif sebagai satu pasukan. Kita cukup bersedia," jamin Anwar.

Turut bersama pada sidang media itu adalah presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang, penasihat DAP Lim Kit Siang serta Presiden PKR Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan menentukan keputusan kes Anwar pada Isnin depan, selepas percabangan ditutup selepas 87 hari pendengaran bulan lalu. Ia berlangsung hampir dua tahun.

Anwar, 64, didakwa meliwat bekas pembantu peribadinya yang berusia 26 tahun itu di Unit 11-5-1, Kondominium Desa Damansara, No. 99 Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara pukul 3.01 petang dan 4.30 petang, 26 Jun 2008.

Beliau dituduh mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika disabit kesalahan.

Dalam pada itu, juga Anwar turut memaklumkan Konvensyen Pakatan Rakyat kali ke-3 akan berlangsung di Alor Setar, Kedah pada 13 dan 14 Januari ini.

Konvensyen kali ini katanya memilih tema 'Bersihkan Malaysia'.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/185591>